

GST: Tumpu penerangan di kawasan luar bandar

KUALA LUMPUR 4 Mei - Kerajaan perlu menumpukan penerangan berkenaan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada penduduk kawasan luar bandar di seluruh negara bagi meningkatkan pemahaman rakyat mengenai cukai tersebut.

Tokoh ekonomi, **Tan Sri Ramon Navaratnam** (gambar) berkata, ini disebabkan pemahaman masyarakat luar bandar mengenai pelaksanaan GST masih rendah kerana mereka kurang didedahkan kepada akses berita seperti akhbar dan internet.

"GST perlu dilaksanakan kerana ia merupakan perkara baik. Bagaimanapun, penjelasan kepada rakyat terutama di luar bandar perlu diperluaskan supaya mereka faham dan sokong pelaksanaannya.

"Oleh itu, kerajaan melalui Jabatan Penerangan perlu bergerak lebih aktif menerusi media sosial serta mengadakan lebih banyak jelajah di kawasan pedala-

man untuk menjelaskan mengenai GST kerana perkara ini tidak boleh dilakukahkan dalam masa sehari atau dua hari sahaja," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali mencadangkan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan dewan-dewan perniagaan menganjurkan perhimpunan bagi memberi penjelasan mengenai pelaksanaan GST kepada rakyat.

Usaha itu juga, kata Ibrahim, perlu sebagai tindak balas kepada perhimpunan membantah GST anjuran pembangkang Khamis lalu.

Sementara itu, mengulas mengenai cadangan tersebut, Ramon berkata, kerajaan perlu memainkan peranan untuk menjelaskan



mengenai pelaksanaan GST kepada rakyat lebih daripada yang dilakukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kerajaan mesti bertanggungjawab dan bukannya NGO. Bukan tugas NGO untuk menjelaskan perkara tersebut sebaliknya kerajaan yang

mesti melakukannya dengan lebih meluas," katanya.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Dr. Muhammad Ridhwan Abdul Aziz** berkata, kerajaan perlu bertindak agresif menerangkan kepentingan pelaksanaan GST bagi mengelakkan pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengenai perkara tersebut.